


KOLOKIU M SISWAZAH KITA

PEMBENTANGAN LAPORAN KEMAJUAN



KITA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES



AMRULLAH MARAINING

26 Oktober 2021

10.45 pagi – 12.00 tghari

Melalui Platform Atas Talian
(Microsoft Teams <http://shorturl.at/cuK89>)

AMRULLAH MARAINING

No Matriks: P88828

Program: Doktor Falsafah Pengajian Etnik

Penyelia: Prof. Dr. Kartini Aboo Talib & Prof. Madya Dr Ahmad

Nidzamuddin Sulaiman

Tahap Pembentangan: Laporan Kemajuan

Tajuk: Migrasi Iban ke Sabah 1040-2011 dari Perspektif Annales



Abstrak

Berbicara tentang perkembangan ilmu, ternyata sejarah tidak pernah ketinggalan dari memperlihatkan kedinamikan nya. Ilmu sejarah yang sifatnya merentas zaman terus berkembang dan berevolusi sehingga ia dapat ditafsir dalam pelbagai sudut pandang. Kepelbagaian tersebut adalah hasil daripada tinta sejarah sezaman yang sungguhpun adakalanya berakhir dengan polemik perbahasan namun ia cukup signifikan dan memberi kesan yang sangat besar memacu perkembangan ilmu sejarah sezaman. Selari dengan itu, kajian ini berusaha untuk mendukung pendemokrasian metodologi sejarah dengan membuktikan bahawa dalam menanggapi persoalan sejarah khususnya keetnikan di Sabah adanya satu pendekatan yang lebih demokratik dan sejagat sifatnya. Dalam menyiapkan kajian ini, tiga objektif utama berjaya dicapai iaitu mengetengahkan pendekatan annales sebagai salah satu alternatif bagi usaha mendemokrasikan metodologi sejarah selain mendukung sejarah kekinian menerusi kupasan peristiwa migrasi komuniti Iban ke Sabah; menganalisis praktik konsep “long duree” dalam usaha mengupas sejarah migrasi komuniti Iban Sabah menerusi kronologi masa yang akhirnya mempengaruhi corak migrasi dan sejarah pembentukan petempatan komuniti Iban Sabah; memahami bagaimana orientasi ilmu sosial yang menjadi kekuatan pendekatan annales merungkai aspek perubahan budaya terkait proses adaptasi, asimilasi dengan budaya masyarakat setempat dan kemudiannya pembangunan sosial dan ekonomi dan politik sehingga berjaya membentuk perkampungan Iban tetap di Mukim Merotai Besar dan Mukim Balung. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kerangka pemikiran annales menerusi konsep ‘long duree’ dengan menjadikan analisis struktural sebagai landasan analisis bagi merungkai fakta sejarah yang diperoleh menerusi kaedah kutipan data yang dilakukan khususnya di lapangan. Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa pendekatan annales mampu untuk merungkai sejarah migrasi Iban ke Sabah dengan sudut pandang yang lebih pelbagai kerana dipayungi orientasi ilmu sosial. Bersandarkan kenyataan ini adalah jelas bahawa Dalam kajian ini kerangka pemikiran annales telah memberikan perspektif yang lebih terbuka dan mendukung kedinamikan ilmu sejarah seiring dengan tuntutan zaman.

Kata Kunci: Annales, long duree, Migrasi, Iban Sabah

Sekalung Penghargaan

Pengulas / Reviewer

PROF. MADYA DR. AZLIZAN BINTI MOHD ENH
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Urusetia / Committee

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Prof. Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid, Dr.
Ahmad Rizal Mohd Yusof, Cik Najatulmuna Hamdan, Pn. Suhana Bahtiar & En. Mohd Norakmar
Mohd Nordin

Warga KITA / KITA Family